



**INSTITUT PENILAIAN NEGARA  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada Penyebutharga yang berdaftar dengan CIDB dan Suruhanjaya Tenaga di dalam bidang yang berkaitan sahaja dan masih berkuatkuasa untuk menyertai sebutharga berikut :

No. Sebutharga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup Sebutharga
INSPEN/SH /09/2021	PERKHIDMATAN TATAHAN, SERVIS PERALATAN VOLTAN TINGGI DAN VOLTAN RENDAH, JANAKUASA TUNGGU SEDIA DAN PEMERIKSAAN OLEH JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN SERTA PENYEDIAAN LAPORAN KEPADA SURUHANJAYA TENAGA UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN DI INSTITUT PENILAIAN NEGARA, PERSIARAN INSPEN 43000 KAJANG SELANGOR	Berdaftar dengan CIDB Gred G2 hingga G3 di bawah Kategori Elektrik (ME) Pengkhususan <b>E05 serta E32</b> dan bertaraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Serta Beralamat Pendaftaran di Negeri Selangor	Boleh melawat tapak pada bila-bila masa pada waktu pejabat- Sila Rujuk Perenggan 5 Notis Sebutharga ini untuk maklumat lanjut	03 Mei 2021 (Isnin) jam 12.00 Tengahari Tawaran yang lewat dihantar tidak akan dipertimbangkan

2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi mulai 26 April 2021 hingga 03 Mei 2021 semasa waktu pejabat di Unit Perolehan, Tingkat 6, Blok Pentadbiran, Institut Penilaian Negara Persiaran INSPEN, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan dengan mengemukakan Sijil Pendaftaran ASAL, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera ASAL. Sesalinan **DOKUMEN SEBUTHARGA** (dalam bentuk softcopy format PDF) akan diberikan secara percuma selepas pihak kontraktor mendaftar di kaunter Unit Perolehan.

3. Sebutharga yang telah lengkap diisi dan ditandatangani sah sepenuhnya hendaklah dilakri dan ditaip/ditulis Tajuk Sebutharga dan No. Sebutharga tanpa sebarang pengenalan kontraktor dengan dakwat yang tidak luntur di sudut sebelah atas kiri sampul surat dan dialamatkan kepada:

PENGARAH  
INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, PERSIARAN INSPEN  
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

4. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disebutkan di atas pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada tarikh tutup sesuatu Sebutharga tersebut. Sebutharga yang diterima selepas tarikh dan masa Sebutharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebutharga lewat dan ditolak sepenuhnya serta tidak akan dipertimbangkan. Bukti pos tidak diterima sebagai bukti penerimaan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang risiko dan kos yang perlu atau akan dihadapi oleh Penyebut harga bersabit dengan proses Sebutharga ini.

5. Lawatan tapak semasa tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** atas tanggungjawab Penyebut harga sendiri untuk melawat tapak dan menilai jumlah harga kerja / bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan. Sebarang kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat adalah menjadi risiko Penyebut harga sendiri dan pihak Kerajaan tidak akan menanggung apa apa juga kerugian/perbelanjaan terhadap kos bersabit dengan perkara tersebut. Syarat-syarat Khas Sebutharga seperti di dalam Arahan Kepada Penyebut harga adalah muktamad dan wajib dipatuhi bagi memastikan keseragaman setiap Sebutharga. **Pihak pembida dikehendaki memaklumkan dahulu Unit Pengurusan Harta & Fasiliti INSPEN sebelum memasuki premis INSPEN dengan menghubungi En. Azman Bin Ismail atau En. Nazarimy Bin Abdullah di talian 03-89118800 (waktu pejabat). Peraturan memakai penutup mulut , individu sihat dan tidak bergejala simptom COVID-19 sahaja dibenarkan untuk melawat tapak.**

6. **Pembida yang berjaya tetapi gagal melaksanakan kerja sebutharga ini dengan sempurna disebabkan alasan kekeliruan, kekurangan, ketidakcukupan maklumat akan disenarai hitam oleh Pengarah Institut Penilaian Negara dan akan dimaklumkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan juga Kementerian Kewangan Malaysia.**

7. Kerajaan Malaysia tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga lain serta tiada sebarang alasan akan diberikan ke atas mana – mana Sebutharga yang ditolak/tidak berjaya. Sebarang rayuan/cadangan/bantahan tidak akan dilayan. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutharga